

The background features a light blue grid pattern. Numerous butterflies in shades of green and teal are scattered across the page. A dashed line starts from a butterfly on the left and curves upwards and to the right. There are also stylized white clouds with soft shadows.

Ogos 2022

PROJEK MUM: KUPU-KUPU

Penggal ini, kanak-kanak menunjukkan minat yang tinggi terhadap topik serangga. Mereka diperkenalkan kepada pelbagai jenis serangga seperti labah-labah, lebah, pepatung, semut & kumbang kura-kura dan kupu-kupu menjadi pilihan mereka bagi projek ini.



(Disiapkan oleh Cikgu Nadhira)

SAYA INGIN TAHU:

Kenapa kupu-kupu
boleh terbang?
- Sahara

Kupu-kupu
makan (apa)?
- Zayn

(Bagaimana)
kupu-kupu
makan bunga?
- Mikayla

Kenapa beluncas
very long?
- Rayyan


Kenapa kupu-
kupu suka saya?
- Sarah

Di mana
caterpillar
(tinggal)?
- Rayyan


Kenapa kupu-
kupu suka makan
bunga?
- Sarah &
Rayyan




SAYA TAHU:




Kupu-kupu suka bunga.
Kupu-kupu *come from*
cacoon then kupu-
kupu.
- Rayyan




Caterpillar makan
daun and tinggal di
daun.
- Mikayla




Can see kupu-
kupu *outside*
school.
- Akifah.



Caterpillar will
change to kupu-
kupu. Kupu-kupu
have wings dan boleh
terbang.
- Arfaid



Kupu-kupu boleh
terbang dan
kupu-kupu ada
kaki.
- Akid



The kupu-kupu *dry*
his wings. Kupu-
kupu *will eat* madu.
- Zhafir

KITARAN HIDUP KUPU-KUPU

Guru memperkenalkan kepada kanak-kanak lagu 'Kitaran Hidup Kupu-kupu' untuk dinyanyikan pada setiap permulaan kelas. Kanak-kanak mereka aksi untuk menyertai bersama nyanyian mereka. Sila imbas kod QR di bawah untuk menonton video kanak-kanak menyanyi dan menari!

LIRIK LAGU

Telur, telur di atas daun
Telur, telur di atas daun
Telur menetas, menjadi beluncas.

Beluncas, beluncas makan daun
Beluncas, beluncas makan daun
Dah kenyang, tidur... menjadi kempompong

Kupu-kupu kupu-kupu terbang tinggi
Kupu-kupu kupu-kupu terbang tinggi
Berwarna-warni, berwarna-warni!



Kelas
Tri & Cast:




Kelas
Maracas & Tamb:




Sila imbas kod QR untuk
menonton video kanak-
kanak menyanyi dan
melakukan aksi kepada
lagu kitaran hidup
kupu-kupu!

Kanak-kanak menonton video 'Kitaran Hidup Kupu-kupu' bersama-sama. Selepas itu, mereka melibatkan diri untuk bermain peranan. Mereka membayangkan diri mereka sebagai sebiji telur, seekor beluncas yang baru keluar lalu makan daun-daun, seekor kempompong dan seekor kupu-kupu yang sedang terbang tinggi.


TELUR



BELUNCAS



KUPU-KUPU





KEPOMPONG



KRAF KITARAN HIDUP KUPU-KUPU

Dengan bahan-bahan kraf yang disediakan, kanak-kanak menghasilkan kraf kitaran hidup kupu-kupu. Mereka menggunakan pompom untuk melambangkan telur, menggulung *pipe cleaners* untuk membuat beluncas, melukis kepompong dan menggunakan *kertas crepe* untuk membuat kupu-kupu. Saya amat bangga dengan kanak-kanak kerana dapat mengingati kitaran hidup kupu-kupu dan menghasilkan kraf mereka dengan baik! Syabas kanak-kanak 😊





AYUH, CARI BELUNCAS!

Dengan pra-pengetahuan akan kitaran hidup kupu-kupu, Cikgu Nadhira membawa kanak-kanak ke taman untuk mencari beluncas. Kanak-kanak digalakkan untuk menggunakan daya pemerhatian mereka untuk melihat persekitaran taman. Kanak-kanak sangat bertuah pada hari itu kerana mereka dapat jumpa beberapa ekor beluncas, satu kepompong dan dapat menyaksikan seekor beluncas dalam proses berubah menjadi kepompong! Mereka sangat teruja akan gerak-geri beluncas yang asyik bergerak-gerak dan bagaimana ia mengambil masa yang lama untuk menjadi kepompong. Saya harap pengalaman ini akan memupuk rasa kagum dan minat kanak - kanak untuk menghargai alam sekitar mereka. 😊



Banyaknya beluncas di sini!



Kepompong macam ni!



Beluncas nak jadi kepompong! Dia asyik bergerak-gerak.



Beluncas



Beluncas makan daun.



Beluncas tidur! *Upside down!*



Beluncas dalam proses menjadi kepompong.



Kepompong ini warna hijau.



Panjangnya beluncas!



PEMERHATIAN SAYA DI TAMAN

Selepas meluangkan masa di taman, kanak-kanak berkongsi tentang pemerhatian mereka. Mereka berbincang mengenai jumlah beluncas yang mereka nampak, bagaimana rupa kepompong, cara beluncas makan daun, berapa lama ia mengambil untuk beluncas berubah menjadi kepompong dan banyak-banyak lagi. Pengalaman mereka di taman sangat bermakna dan menyeronokkan bagi kanak-kanak. Mereka dapat melibatkan diri dalam perbincangan serta melukis pemerhatian mereka.



Hasil kerja kami!



MENYIMPAN BELUNCAS DI DALAM KELAS

Cikgu Nadhira menangkap 3 ekor beluncas untuk projek ini. Namun, apabila tiba masanya untuk membawa ke kelas, ketiga-tiga beluncas sudah berubah menjadi 'kepompong'. Saya amat bangga yang kanak-kanak dapat mengenal pasti dan menyebutkan kosa kata 'kepompong' apabila saya menunjukkan kepompong kepada mereka. Mereka menggunakan deria melihat untuk memerhatikan bentuk dan warna kepompong.



Beberapa hari kemudian, kanak-kanak dapat menyaksikan kepompong bertukar menjadi kupu-kupu. Mereka amat ghairah dan teruja dapat perhatikan gerak-geri dan warna kupu-kupu di hadapan mata mereka. Kami juga ke taman selepas itu untuk melepaskan kupu-kupu ☺



BAHAGIAN BADAN KUPU-KUPU

Kanak-kanak diperkenalkan kepada nama bahagian badan kupu-kupu dan melibatkan diri dalam 3 jenis aktiviti berdasarkan pembelajaran ini.

Aktiviti 1- Padankan bahagian kupu-kupu di ruang yang tepat



Aktiviti 2- Kupu-kupu makan menggunakan proboscis. Proboscis menyerupai penyedut dan kupu-kupu menyedut makanan mereka. Kanak-kanak membayangkan diri mereka sebagai seekor kupu-kupu dan menggunakan penyedut untuk menyedut "air".



Sedapnya!
Nak lagi!



Kupu-kupu
sedut
makanannya.



Oh, beginilah
caranya
kupu-kupu
makan...



Aktiviti 3- Selepas menonton beberapa video akan makanan yang kupu-kupu suka makan, kanak-kanak melibatkan diri dalam permainan untuk mengenal pasti makanan yang kupu-kupu suka makan.

Mereka mempelajari bahawa kupu-kupu suka makan:



nektar




buah-buahan



air gula

Kanak-kanak beraksi!



KRAF KUPU-KUPU

Kanak-kanak belajar bahawa kupu-kupu mempunyai 4 sayap! Sayap kupu-kupu juga berwarna-warni dan digunakan untuk terbang. Dengan maklumat ini, kanak-kanak melibatkan diri untuk membuat kraf kupu-kupu yang boleh "terbang". Mereka bertungkus lumus untuk menggunting templat kupu-kupu dan menghasilkan kraf kupu-kupu dengan cantik.



SAYA SUDAH TAHU:

Kupu-kupu makan dengan kaki (proboscis). Saya (menonton video tentang) kupu-kupu. Ada telur... beluncas... kepompong... kupu-kupu!
- Rayyan



Kupu-kupu ada *long tongue* (proboscis). Kupu-kupu suka makan buah.
- Athirah



Kupu-kupu suka saya. (Dia di jari saya)
- Sarah



I like kupu-kupu (Saya suka kupu-kupu)
- Zayn




Kupu-kupu makan oren.
- Faziya

Telur kupu-kupu white (putih).
- Ayra



Taman tempat tidur (beluncas).
- Sofea



Kupu-kupu makan (air gula)
- Akifah





Kupu-kupu terbang (gunakan) sayap.
- Daniyal

Beluncas makan banyak daun.
- Qaizer



We cannot ketuk (tangi kupu-kupu)
- Zhafrin



(Kupu-kupu) sedut (makanan dia)
- Nadya

Beluncas makan telur dia
- A'qil



Kupu-kupu ada proboscis. Dia makan (dengan proboscis)
- Sahara



Kupu-kupu ada empat sayap
- Mikayla



Kupu-kupu suka makan air gula dan dia sedut.
- Zayyan

